



DR Yogendra (berdiri, dua kanan) dan Dr Ahmad Toha (berdiri, kanan) merakamkan foto kenangan bersama warga hospital dan tetamu jemputan.

Rumah Terbuka Aidilfitri HQE landasan interaksi kakitangan

KOTA KINABALU: Sambutan dan amalan rumah terbuka Aidilfitri bukan sahaja ruang terbaik membentuk hubungan erat kalangan anggota malah landasan terbaik memupuk interaksi antara kakitangan, khususnya jabatan yang mempunyai struktur organisasi besar dan pelbagai.

Timbalan Pengarah Klinikal 1, Hospital Queen Elizabeth (HQE) Dr Yogendra A/L Panchalingam berkata, amalan berhimpun bersama seluruh kakitangan daripada pelbagai perkhidmatan merangkumi kumpulan pengurusan dan sokongan di majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri memberi banyak manfaat kepada organisasi.

Katanya, majlis itu bukan sahaja membolehkan mereka menikmati pelbagai juadah namun lebih penting dapat berinteraksi dan memupuk ikatan kekeluargaan antara kakitangan.

"Ini pastinya mempengaruhi misi dan agenda dalam meningkatkan mutu penyampaian dan



SEBAHAGIAN warga HQE yang hadir.

perkhidmatan hospital," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat HQE anjuran Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sabah (Perkips), bertempat di Bangunan Menara Berkembar HQE pagi Khamis.

Dr Yogendra menggesa para kakitangan supaya merebut peluang kenal mengenali, bermesra dan menikmati

juadah namun pada masa sama, pastikan mereka sentiasa berpegang kepada amalan pemakanan seimbang kerana mutu kesihatan diri yang baik membolehkan mereka cergas dan terus berkhidmat dengan lebih efisien di jabatan dan organisasi masing-masing.

Hampir seluruh anggota hospital meliputi bahagian klinikal, sokongan klinikal dan pengurusan hadir memeriahkan majlis itu.

Terdahulu, Pengerusi Perkips Dr Ahmad Toha Samsuddin berkata majlis itu sentiasa mendapat sambutan hasil kerjasama semua pihak.

Sambil merakamkan ucapan terima kasih, beliau yakin dan pasti kerjasama antara ahli Perkips pasti mempengaruhi serta mengukuhkan amalan kerja berpasukan peringkat organisasi.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Jasawati Jasmin, Timbalan Pengarah Klinikal II Dr Irene Chau serta para jemputan khas dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.



SEBAHAGIAN anggota pentadbiran dan jururawat hospital yang memeriahkan rumah terbuka itu.

